

TAHAP KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN PELAJAR KKTM DI JOHOR MENGIKUT PERSPEKTIF PELAJAR

**Muhammad Syamaizar Bin Bilah¹, (Nur Farhana Binti Mohd Hama²,
Farisa Jazima Binti Mat Yusof³)**

syamaizar@kktmsrigading.edu.my

farhana@kktmsrigading.edu.my

farisa@kktmsrigading.edu.my

ABSTRACT

Era globalisasi pada masa kini menyebabkan permintaan terhadap tenaga buruh yang berkualiti semakin tinggi. Pihak majikan pada hari ini tidak lagi memilih graduan yang memiliki pengetahuan yang tinggi semata-mata tetapi mesti menguasai elemen kemahiran insaniah pada tahap yang tinggi. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Johor daripada segi elemen etika dan moral, kerja berpasukan, komunikasi, kreatif dan inovatif dan keusahawanan menurut perspektif pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 187 orang pelajar di KKTM Sri Gading. Kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik yang mengandungi item maklumat diri dan item elemen kemahiran insaniah. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil dapatan kajian mendapati tahap kemahiran insaniah pelajar KKTM mengikut perspektif pelajar berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, tahap kemahiran insaniah pelajar KKTM mengikut persepsi pelajar adalah pada tahap yang tinggi.

Kata Kunci: Kemahiran Insaniah; pelajar; tahap.

1.0 PENGENALAN

Pengangguran merupakan isu utama dalam pembangunan sesebuah negara. Ia merupakan fenomena yang perlu dilihat dan dikaji secara menyeluruh kerana ia memberi impak yang besar kepada individu, masyarakat dan negara. Para graduan universiti juga tidak terlepas daripada masalah pengangguran walaupun mereka sudah memiliki sijil diploma atau ijazah sarjana muda. Kenyataan ini berdasarkan Perangkaan Tenaga Buruh Siswazah (2011) di mana kadar pengangguran siswazah yang agak ketara pada tahun 2010 di mana lebih kurang 34,000 graduan lulusan ijazah menganggur dan 31,000 graduan lulusan diploma tidak bekerja. Menurut Yusof, Ismail, & Sidin (2008) pengangguran berlaku apabila seseorang graduan itu bekerja mengikut waktu tertentu dalam jangka masa yang pendek, bekerja tidak berdasarkan kelayakan yang dimiliki atau lebih rendah daripada apa yang dicapainya.

Kemahiran insaniah adalah kemahiran yang memainkan peranan penting dalam setiap bidang pekerjaan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad, Yunus, & Kaprawi (2005), kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang mesti dikuasai oleh seseorang pekerja tanpa mengira jawatan, pekerjaan dan sektor pekerjaan yang bakal atau sedang diceburi. Menurut Amin *et al.*, (2013), kemahiran insaniah adalah satu set kemahiran yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada tuhan yang mana kebanyakan kemahiran ini berkait rapat dengan kemahiran berpasukan, kepimpinan, komunikasi dan sebagainya. Takrifan ini selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mana ia dirangka begitu tersusun bagi memastikan negara dapat melahirkan warganegara yang produktif, berkemahiran tinggi, berketerampilan, mempunyai jati diri dan berintegriti.

Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) telah ditadbir urus oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) salah satu badan berkanun di bawah selian Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebagai satu langkah untuk melahirkan teknologis yang kompeten dan berdaya saing di peringkat global. Sebelum menamatkan latihan di KKTm, pelajar hendaklah kompeten dalam bidang yang diceburi sebelum berkecimpung di sektor pekerjaan. Walaupun graduan kompeten dalam bidang teknikal yang diceburi, pelajar juga akan dinilai daripada beberapa aspek kemahiran insaniah yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Kemahiran Teknikal (BKT) MARA. Oleh itu, bermula Julai 2006 pihak MARA telah melaksanakan penerapan komponen kemahiran insaniah untuk semua pelajar yang mengikuti Program Latihan Kemahiran di semua KKTm. Penilaian akan dilakukan oleh tenaga pengajar mengikut modus operandi yang telah ditentukan. Terdapat lima elemen utama dalam kemahiran insaniah yang telah ditentukan oleh pihak BKT iaitu elemen moral dan etika, kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, keratif dan inovatif dan kemahiran keusahawanan.

2.0 DEFINISI KEMAHIRAN INSANIAH

Berdasarkan kepada Modul Pelan Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi (2006), kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Menurut pandangan Yusuf (2004), kemahiran insaniah ialah kemahiran umum selain daripada kemahiran teknikal yang mana kemahiran ini menjadi nilai tambah dan keperluan apabila seseorang itu untuk bekerja dengan lebih efisien dalam penyelesaian masalah, komunikasi berkesan, berfikir secara kreatif dan kritis, mampu bekerja dalam satu pasukan, berdaya saing dan sebagainya. Kajian bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan Nasir *et al.*, (2009) kemahiran insaniah adalah kemahiran yang diperlukan oleh setiap individu bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang kerjaya.

Terdapat pelbagai istilah kemahiran insaniah digunakan di luar negara. Beberapa negara menggunakan istilah kemahiran insaniah digunakan bagi memberi penekanan kepada sektor pekerjaan manakala negara lain menggunakan istilah yang lebih sesuai untuk masyarakat setempat. Menurut Clayton *et al.*, (2003), istilah yang digunakan bagi merujuk kepada kemahiran insaniah adalah berbeza mengikut negara, Australia menggunakan istilah “*key competencies*” “*soft skills*” atau “*employability skills*”, manakala di United Kingdom pula menggunakan “*key skills*” atau “*core skills*”, manakala di New Zealand istilah yang dipilih adalah “*essential skills*”, dan di Amerika terdapat tiga istilah utama iaitu “*necessary skills*”, “*employability skills*” dan “*workplace know how*”.

2.1 ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH

Terdapat lima elemen kemahiran utama yang diterapkan dalam kalangan pelajar KKTM yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Kemahiran Teknikal (BKT) MARA pada Julai 2012. Oleh yang demikian, penyelidik akan memberi tumpuan dan fokus kepada lima elemen yang telah ditetapkan oleh pihak BKT dalam kajian yang dijalankan iaitu elemen moral dan etika, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kreatif dan inovatif dan kemahiran keusahawanan.

3.0 REKABENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif melalui tinjauan deskriptif. Menurut Abd Ghafar (1999), tinjauan deskriptif menerangkan fenomena dengan cara menganalisis data deskriptif yang diperolehi daripada pembentukan soal selidik. Penggunaan soal selidik merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa yang singkat. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengumpulkan maklumat mengenai tahap kemahiran insaniah di kalangan pelajar KKTM menurut perspektif pelajar. Data dalam kajian ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil dapatan kajian akan dibincangkan dan persoalan kajian yang ditentukan samada terjawab atau tidak.

3.1 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Menurut Abd Ghafar (1999), sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Di sini, penyelidik memilih teknik pensampelan bertujuan . Sampel yang dipilih memang ditetapkan sendiri oleh penyelidik untuk kajian yang dijalankan. Abd Ghafar (1999) menyatakan sampel bertujuan adalah pemilihan sampel secara sengaja oleh penyelidik dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Institusi yang terlibat dalam kajian penyelidik adalah dari KKTM Sri Gading dan KKTM Ledang. Berikut adalah data sampel yang dipilih secara persampelan bertujuan. Populasi kajian yang dipilih oleh penyelidik adalah seramai 187 orang pelajar KKTM Sri Gading dan KKTM Ledang.

3.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang merangkumi beberapa. Borang soal selidik merupakan instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden. Melalui kaedah ini, maklumbalas terhadap aspek yang dikaji dapat diperoleh secara terus daripada responden. Menurut Konteng (1993) penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel kerana soal selidik tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Bagi memenuhi objektif kajian ini, satu set borang soal selidik telah disediakan dan telah diedarkan kepada pelajar KKTM Sri Gading dan KKTM Ledang.

3.3 KAEDAH ANALISIS

Menurut Abd Ghafar (1999) pemprosesan data merupakan teknik pengumpulan, pengolahan, penganalisan, penyimpanan, dan pengeluaran data. Data-data yang diperoleh daripada soal selidik merupakan data mentah dan seterusnya dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian yang dijalankan. Data-data yang telah dikumpulkan dalam bentuk ordinal skala likert dan data tersebut telah ditukar ke dalam bentuk interval sebelum dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences (SPSS) Version 20.0 for Windows*. Dalam kajian ini, data yang diperolehi menerusi edaran borang soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan secara ringkas ciri-ciri pemboleh ubah. Skor min dan sisihan piawai digunakan untuk menyatakan ciri-ciri pemboleh ubah.

4.0 ANALISIS DESKRIPTIF TAHAP KEMAHIRAN INSANIAH MENGIKUT PERSPEKTIF PELAJAR

Untuk mengenalpasti jawapan bagi persoalan kajian yang pertama iaitu tahap kemahiran insaniah di kalangan pelajar KKTM mengikut perspektif pelajar, analisis skor min dan sisihan piawai setiap elemen kemahiran insaniah telah dibuat bagi mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran insaniah yang telah ditetapkan.

4.1 MORAL DAN ETIKA

Bagi menginterpretasi skor min bagi elemen moral dan etika, jadual 4.1 dirujuk bagi mendapatkan tahap elemen etika dan moral mengikut perspektif pelajar. Dapatan bagi elemen etika dan moral adalah seperti berikut:

Item	Soalan	SP	Skor Min	Tafsiran
1	mudah tersenyum bila berurusan dengan pensyarah	0.72	4.41	Tinggi
2	memakai pakaian yang kemas ketika menghadiri kuliah	0.70	4.36	Tinggi
3	memakai baju bengkel ketika kelas amali	0.79	4.35	Tinggi
4	berinteraksi dengan cara yang baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran	0.73	4.27	Tinggi
5	menggunakan bahasa yang sopan	0.68	4.41	Tinggi
6	dapat menghantar tugas pada waktu yang ditetapkan	0.88	3.94	Tinggi
7	dapat mengatur masa mengikut keutamaan	0.81	3.90	Tinggi
8	dapat menyiapkan projek yang diberikan mengikut masa yang ditentukan	0.88	3.95	Tinggi
9	dapat menyiapkan tugas amali tanpa bantuan rakan lain	1.02	3.56	Sederhana
10	selalu berbincang sebelum kerja amali dimulakan	0.83	4.11	Tinggi
11	selalu meminta bantuan rakan untuk menyiapkan tugas amali	1.15	3.46	Sederhana
12	mampu melaksanakan tugas amali tanpa pengawasan pensyarah	0.95	3.72	Tinggi
13	dapat menyiapkan tugas dengan baik selari dengan kehendak pensyarah	0.85	4.01	Tinggi
14	menyiapkan semua tugas yang diberikan oleh pensyarah	0.78	4.17	Tinggi
15	sangat prihatin keadaan kebersihan di dalam bilik kuliah	0.85	4.03	Tinggi
Min Keseluruhan			4.04	Tinggi

Jadual 1 : Tahap Etika dan Moral Mengikut Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 1, hasil analisis data bagi elemen moral dan etika di kalangan pelajar KKTMM, terdapat dua item yang menunjukkan min yang tertinggi iaitu item 1 “Mudah tersenyum bila berurusan dengan pensyarah” dan item 5 “Menggunakan bahasa yang sopan” dengan nilai min iaitu 4.11 pada tahap tinggi. Manakala nilai min yang terendah adalah bagi item 9 “Dapat menyiapkan tugas amali tanpa bantuan rakan lain” dengan nilai min iaitu 3.56 pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya interpretasi skor min bagi elemen moral dan etika menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min 4.04.

4.2 KERJA BERPASUKAN

Bagi menginterpretasi skor min bagi elemen kerja berpasukan, jadual 2 dirujuk bagi mendapatkan tahap elemen kerja berpasukan mengikut perspektif pelajar. Dapatan bagi elemen kerja berpasukan adalah seperti berikut:

Item	Soalan	SP	Skor Min	Tafsiran
16	sangat mengambil berat keadaan rakan anda semasa mengendalikan kerja amali	0.83	4.16	Tinggi
17	selalu berkongsi idea bersama rakan	0.83	4.22	Tinggi
18	dapat membahagikan tugas kepada rakan secara adil	0.84	4.06	Tinggi
19	dapat menyiapkan tugas kumpulan pada waktu yang ditetapkan	0.81	4.09	Tinggi
20	dapat mengumpulkan tugas kumpulan pada waktu yang ditetapkan	0.85	4.06	Tinggi
21	sering membantu rakan anda yang tidak dapat menyiapkan tugas	0.81	4.11	Tinggi
22	dapat menerima kritikan rakan anda	0.78	4.16	Tinggi
23	sentiasa berfikiran terbuka	0.76	4.28	Tinggi
24	boleh membuat keputusan bersama rakan	0.80	4.20	Tinggi
25	memberi kerjasama sepenuhnya kepada tugas yang diberikan oleh rakan	0.74	4.18	Tinggi
26	dapat menyelesaikan tugas secara berkumpulan dengan sempurna	0.85	4.16	Tinggi
27	dapat menyelesaikan tugas secara berkumpulan dengan berkualiti	0.79	4.18	Tinggi
28	dapat menyelesaikan tugas secara berkumpulan kurang daripada tempoh yang ditetapkan	0.90	3.83	Tinggi
29	mampu untuk menguruskan sesuatu aktiviti dengan baik	0.78	4.11	Tinggi
30	bersedia untuk dilantik menjadi ketua dalam sesuatu tugas yang diberikan	0.95	3.93	Tinggi
31	berkebolehan untuk merancang matlamat yang hendak dicapai di dalam sesuatu aktiviti	0.83	3.96	Tinggi
32	dapat menggalakkan ahli kumpulan untuk memberi kerjasama dalam sesuatu aktiviti untuk mencapai matlamat yang ditetapkan	0.84	4.02	Tinggi
33	dapat menyelesaikan tugas secara berkumpulan dengan berkualiti	0.82	4.01	Tinggi
Min Keseluruhan			4.09	Tinggi

Jadual 2 : Tahap Kerja Berpasukan Mengikut Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 4.2, hasil analisis data keseluruhan bagi elemen kerja berpasukan di kalangan pelajar KKTMM menunjukkan di tahap yang tinggi. Item 23 “Sentiasa berfikiran terbuka” mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.28. Manakala item 28 “Dapat menyelesaikan tugas secara berkumpulan kurang daripada tempoh yang ditetapkan” menunjukkan nilai min yang terendah dengan nilai min iaitu 3.83. Walau bagaimanapun, interpretasi skor min keseluruhan bagi elemen menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min 4.09.

4.3 KOMUNIKASI

Bagi menginterpretasi skor min bagi elemen komunikasi, jadual 3 dirujuk bagi mendapatkan tahap komunikasi mengikut perspektif pelajar. Dapatan bagi elemen komunikasi adalah seperti berikut:

Item	Soalan	SP	Skor Min	Tafsiran
34	dapat menyampaikan idea dengan jelas	0.84	4.04	Tinggi
35	berkebolehan menyampaikan sebarang maklumat dengan berkesan	0.83	4.02	Tinggi
36	dapat menyampaikan sesuatu maklumat dengan dengan penuh keyakinan	0.81	4.01	Tinggi
37	penyampaian lisan pelajar mudah difahami oleh rakan anda	0.83	3.98	Tinggi
38	dapat memahami arahan yang diberikan pensyarah	0.77	4.11	Tinggi
39	dapat melakukan semula kerja amali yang ditunjukkan oleh pensyarah	0.82	4.09	Tinggi
Min Keseluruhan			4.04	Tinggi

Jadual 3 : Tahap Komunikasi Mengikut Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 3, hasil analisis data keseluruhan bagi elemen komunikasi di kalangan pelajar KKTM menunjukkan di tahap yang tinggi. Item 38 “Dapat memahami arahan yang diberikan pensyarah” mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.11. Manakala item 37 “Penyampaian lisan pelajar mudah difahami oleh rakan anda” menunjukkan nilai min yang terendah dengan nilai min iaitu 3.98, akan tetapi ia masih pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, interpretasi skor min keseluruhan bagi elemen komunikasi menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min 4.04.

4.4 KREATIF DAN INOVATIF

Bagi menginterpretasi skor min bagi elemen kreatif dan inovatif, jadual 4 dirujuk bagi mendapatkan tahap kreatif dan inovatif mengikut perspektif pelajar. Dapatan bagi elemen kreatif dan inovatif adalah seperti berikut:

Item	Soalan	SP	Skor Min	Tafsiran
40	dapat mengenalpasti masalah dalam tugas yang diberikan	0.78	4.03	Tinggi
41	dapat menganalisis masalah dalam tugas yang diberikan	0.81	4.02	Tinggi
42	dapat menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi	0.82	3.90	Tinggi
43	menggunakan rujukan dalam menyelesaikan sesuatu masalah	0.84	4.07	Tinggi
44	menggunakan kreativiti dalam menangani sesuatu masalah yang timbul	0.81	4.01	Tinggi

Item	Soalan	SP	Skor Min	Tafsiran
45	dapat menggunakan pelbagai teori yang dipelajari di dalam kelas untuk menyelesaikan masalah	0.87	4.05	Tinggi
46	memilih kaedah yang terbaik dalam menyelesaikan masalah	0.80	4.12	Tinggi
47	mampu mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan untuk menyiapkan tugas	0.82	4.04	Tinggi
48	membuat perancangan terlebih dahulu sebelum memulakan tugas	0.81	4.03	Tinggi
49	berkongsi maklumat dengan rakan	0.74	4.18	Tinggi
50	memilih maklumat yang tepat dalam tugas anda	0.76	4.19	Tinggi
51	memastikan maklumat yang terkini diberi keutamaan	0.78	4.13	Tinggi
52	mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber	0.84	4.21	Tinggi
53	sering membaca bahan ilmiah seperti jurnal atau artikel berkaitan dengan bidang yang diceburi	0.94	3.89	Tinggi
54	berasa seronok dalam aktiviti pembelajaran	0.90	4.09	Tinggi
55	selalu menyelesaikan tugas melebihi daripada kehendak pensyarah	1.07	3.58	Sederhana
56	tahu gaya pembelajaran anda	0.88	4.02	Tinggi
57	selalu mencari peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anda	0.81	4.10	Tinggi
58	mempunyai perancangan dalam meningkatkan taraf pendidikan	0.81	4.12	Tinggi
59	mempunyai matlamat yang jelas untuk dicapai	0.81	4.10	Tinggi
60	suka untuk mengajar rakan sekelas	0.91	4.07	Tinggi
Min Keseluruhan			4.05	Tinggi

Jadual 4 : Tahap Kreatif dan Inovatif Mengikut Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 4, hasil analisis data keseluruhan bagi elemen kreatif dan inovatif di kalangan pelajar KKTMM menunjukkan di tahap yang tinggi. Item 52 “Mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber” mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.21. Manakala item 55 “Selalu menyelesaikan tugas melebihi daripada kehendak pensyarah” menunjukkan nilai min yang terendah dengan nilai min iaitu 3.58 pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, interpretasi skor min keseluruhan bagi elemen kreatif dan inovatif menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min 4.05.

4.5 KEUSAHAWANAN

Bagi menginterpretasi skor min bagi elemen keusahawanan, jadual 5 dirujuk bagi mendapatkan tahap keusahawanan mengikut perspektif pelajar. Dapatan bagi elemen keusahawanan adalah seperti berikut:

Item	Soalan	SP	Skor Min	Tafsiran
61	sanggup mengambil risiko dalam membuat keputusan	0.84	4.10	Tinggi
62	berasa puas apabila dapat menjalankan sesuatu projek	0.85	4.21	Tinggi
63	tidak berputus asa seandainya projek yang dijalankan menghadapi sebarang masalah	0.82	4.12	Tinggi
64	sanggup bekerja keras demi mencapai matlamat walaupun ia berisiko	0.80	4.20	Tinggi
65	mengetahui organisasi yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat	0.90	3.81	Tinggi
66	sentiasa mencari peluang untuk menjalankan perniagaan di institusi pengajian	0.95	3.98	Tinggi
67	selalu terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang dijalankan di peringkat institusi dan komuniti	0.97	3.99	Tinggi
Min Keseluruhan			4.06	Tinggi

Jadual 5 : Tahap Keusahawanan Mengikut Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 5, hasil analisis data keseluruhan bagi elemen keusahawanan di kalangan pelajar KKTM menunjukkan di tahap yang tinggi. Item 52 “Berasa puas apabila dapat menjalankan sesuatu projek” mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.21. Manakala item 65 “Mengetahui organisasi yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat” menunjukkan nilai min yang terendah dengan nilai min iaitu 3.81, akan tetapi ia masih berada pada tahap tinggi. Oleh itu, interpretasi skor min keseluruhan bagi elemen keusahawanan menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min 4.06 .

5.0 RUMUSAN DAN DAPATAN KAJIAN

Persoalan pertama kajian adalah berkenaan dengan tahap kemahiran insaniah mengikut perspektif pelajar. Terdapat 15 item yang telah dibina dalam borang soal selidik yang terdiri daripada aspek moral dan etika. Item-item tersebut bertujuan untuk mengukur tahap kemahiran insaniah mengikut perspektif pelajar sendiri. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran insaniah pelajar mengikut perspektif pelajar adalah tinggi. Hasil dapatan kajian selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Musa & Esa (2009), di mana tahap kemahiran etika dan moral pada perspektif pelajar adalah pada tahap yang tinggi. Faktor persekitaran membantu pelajar dalam pembentukan nilai sahsiah dalam diri pelajar. Pelajar dididik dengan nilai-nilai murni dan etika hidup bermasyarakat. Tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran etika dan moral adalah paling tinggi adalah bagi item mudah tersenyum apabila berusan dengan pensyarah dan pelajar menggunakan bahasa yang sopan.

Bagi elemen kerja berpasukan pula, secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati perspektif pelajar KKTM terhadap tahap elemen kerja berpasukan adalah di tahap yang tinggi. Hasil kajian ini selari dengan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Rahim (2010), di mana pelajar menguasai elemen kerja berpasukan pada tahap yang baik. Kerja berpasukan adalah keupayaan seseorang individu dalam melaksanakan tanggungjawab

yang digalas yang mana seseorang itu mampu untuk memimpin ahli kumpulan dengan baik, memberi galakan dan dorongan kepada ahli kumpulan, bertoleransi serta tegas dalam membuat sesuatu keputusan dan dapat menilai prestasi kumpulan (Warman *et al.*, 2010). Tahap penguasaan pelajar dalam kerja berpasukan yang paling tinggi adalah bagi item sentiasa berfikiran terbuka.

Bagi elemen komunikasi, secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian majoriti responden mendapati pelajar memiliki kemahiran komunikasi pada tahap yang tinggi. Tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran komunikasi adalah paling tinggi bagi item dapat memahami arahan yang diberikan oleh pensyarah. Penyelidik berpendapat pelajar dapat memberikan tumpuan sepenuh perhatian kepada penerangan yang diberikan oleh pensyarah dan memberi tindak balas yang positif apabila diminta oleh pensyarah. Penyelidik beranggapan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran komunikasi di mana pelajar perlu mengaplikasikan kemahiran ini ketika aktiviti kokurikulum sedang dijalankan. Kenyataan ini disokong oleh Esa (2007), pelajar yang mengikuti kegiatan kokurikulum dapat membina kemahiran komunikasi dan kemahiran ini sangat membantu mereka di dalam alam pekerjaan. Penerapan kemahiran ini ditekankan di dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) seperti Kelab Bahasa Inggeris, Persatuan Pendidikan Islam dan sebagainya.

Begitu juga bagi elemen kreatif dan inovatif, secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian majoriti responden mendapati pelajar memiliki kemahiran kreatif dan inovatif pada tahap yang tinggi. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Rahim (2010), di mana tahap penguasaan pelajar terhadap elemen penyelesaian masalah pada tahap yang baik. Berdasarkan kepada laporan Jabatan Pembangunan Kemahiran (2008), mendapati bahawa elemen penyelesaian masalah merupakan elemen yang sangat diperlukan oleh pihak industri.

Akhir sekali ialah bagi elemen keusahawanan, secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian majoriti responden mendapati pelajar memiliki kemahiran keusahawanan pada tahap yang tinggi. Menurut Othman *et al.*, (2003), elemen kemahiran keusahawanan wajib dikuasai oleh pelajar tidak kira sama ada pelajar peringkat rendah ataupun peringkat tinggi. Pelajar yang menguasai elemen keusahawanan ini mampu untuk berdikari dan mencipta peluang pekerjaan mereka sendiri.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek ini iaitu Dr. Lai Chee Sern dari Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (UTHM) yang telah banyak membantu dan membimbing sepanjang pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- A. Aziz, A.A. (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, A.S (1997). Isu Dan Cabaran Pendidikan Vokasional dan Teknikal Di Abad 21. *Ucaptama Utama Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad, E. Yunus, J. & Kaprawi, N. (2005). *Kebolehpercayaan Inventori Kemahiran Generik*. *Jurnal Sains Sosial* , 3 (1), 41-57.
- Amin, H. Jaafar, J. Hood, Z. Saad, S. dan M.Amin, H. (2013). Kemahiran Insaniah Pelajar Siswazah: Analisis Perbezaan. *Jurnal Teknologi*, 61(1), 19-25.
- Arshad, N.H. (2007), *Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Dalam Memenuhi Kehendak Industri : IPTA Dan IPTS*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Bahagian Kemahiran dan Teknikal (2012). *Sistem Penilaian Kemahiran Insaniah Pelajar KKTM dan IKM*. Kuala Lumpur: MARA.
- Clayton, B. Bloom. K. Meyer D. & Batemen, A. (2003). *Accessing and Certifying Generic Skills: What Is Happening In Vocational Education And Training*. State arcade, South Australia: National Centre For Vocational Education Research.
- Esa, A. (2007), *Penerapan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri Di Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ph.D.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2008). Laporan Tahunan Jabatan Pembangunan Kemahiran 2008. Dicapai pada 5/2/2014 di <http://www.nutc.gov.my/bm/>.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Konting, M.M (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa. M & Esa. A, (2009). Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik Serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Tecno Social*. 1(1), 77-94.
- Nasir, A. N. Noordin, M.K. Arsat, M. Zulkifli R.M and A.Wahid, N.H (2009). Kemahiran Generik Dalam Latihan Industri Terhadap Pembentukan Kerjaya.
- Othman, N. Lope Pihie,Z.A. Nazri, M.I. & Ahmad Tarmizi, R. (2003), Aplikasi Model Kolb Dalam Program Keusahawanan Remaja. *Jurnal Teknologi*, 38(E), 49-64. Jurutera di Dyson Manufacturing Sdn. Bhd. *Seminar Pendidikan Teknik Dan Vokasional Kali Ke 3*. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan UTM. ms. 68-74.
- Rahim, M.B. (2010). *Kesediaan Kemahiran Insaniah Pelajar Tahun Akhir Institut Kemahiran MARA Bagi Memenuhi Keperluan Industri* . Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Projek Sarjana.
- Warman, S. Zahari, N.A. Esa, A. & Mustafa, M.Z.(2010). Penguasaan

Scope: Nationalism, Community Development and Ethnic Relations

KemahiranInsaniah Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah. dlm. Esa. A & Musatafa, M.Z. *Kemahiran Insaniah : Kajian di Institut-institut Pengajian* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : Pejabat Penerbit UTHM. ms.223-247.

Yusuf, M. (2004). Kemahiran Generik dan Atribut Graduan UTM. *Bengkel Pemantapan Soalan Peperiksaan Akhir Dan Penerapan Kemahiran Generik*. Tidak diterbitkan.

Yusof, I. Ismail, R. Sidin, R. (2008). Graduan dan Alam Pekerjaan : Kes Siswazah UKM, *Akademia* 72, 3-24.

Description:

Full Paper Format

- software : Microsoft Word
- font type : Times New Roman
- font size : title : 14 (**BOLD, CAPITAL LETTERS**)
full paper : 12
- distance between rows : single spacing including references and any indented quotations
- paragraphs : indented 5 spaces from left margin and leave a blank line between paragraphs except for reference list
- paper size : A4 with margin
1.5 inch (left) 1.5 inch (right)
1 inch (top) 1 inch (bottom)
- maximum length of: full paper in the range of **5,000** words (including notes and references)
- maximum length of: pages **15** pages including figures, tables, appendices, and references
- headings : 1st level **BOLD, CAPITAL LETTERS AND LEFT JUSTIFIED**
2nd level **Bold, Capitalized, and Left Justified**
3rd level ***Bold Italics, Capitalized and Left Justified***
- abbreviations : spell them out in full on their first use (except for universally known ones such as UK, USA etc.)
- quotations : quotations in the text of more than 40 words should be pulled out of the text and indented
- references : use the APA system of referencing
references in the text should be made in the following ways:
As Tan (2006) points out
However, this might not be so (Mohd Ali, 2001; Sivamani, 2000; Wong, Ho & Mak, 2005).
You must make sure that all references which appear in the text are given in full in the references section
reference section should be listed in alphabetical order at the end of paper.
Where an entry has no author, it is cited by its title, and ordered in the reference list by the first significant word of the title
- number pages consecutively, with page numbers centred at the bottom of

Scope: Nationalism, Community Development and Ethnic Relations

each page

- appendixes should follow immediately after the main text to be followed by acknowledgements, notes and references
- camera ready diagrams and line drawings must be clearly drawn in black ink.
- figures and tables should be numbered in single sequence in the order in which they are referred to in the paper. All figures and tables should have brief descriptive captions